
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JKK 225 - Kaedah Mengajar Sejarah I

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Tuliskan angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

1. Bincangkan bagaimana Falsafah Pendidikan Sejarah spekulatif dan Falsafah Pendidikan Sejarah kritis dapat merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
(25 markah)

2. Penilaian Berdasarkan Elemen (PBE) ialah satu pendekatan yang menjadikan ELEMEN sebagai perkara yang dinilai. Bagaimanakah seorang guru Sejarah Tingkatan 3 melaksanakan PBE ini di dalam proses penilaian.
(25 markah)

3.
 - (a) Cadangkan 5 (LIMA) kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah dengan menggunakan aktiviti kumpulan.
(10 markah)

 - (b) Pilih 1 (SATU) daripada kaedah berkenaan dan terangkan empat langkah pelaksanaannya dalam satu sesi pengajaran dan pembelajaran Sejarah.
(15 markah)

4.
 - (a) Huraikan 3 (TIGA) jenis peta yang boleh digunakan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran Sejarah.
(10 markah)

 - (b) Berdasarkan 1 (SATU) jenis peta, bincangkan bagaimana set induksi bagi satu sesi pengajaran Sejarah dirancangkan dan dilaksanakan.
(15 markah)

5.
 - (a) Penilaian formatif sepatutnya dilaksanakan bagi mengesan kekuatan dan kelemahan murid dalam sesuatu kemahiran yang disampaikan. Huraikan kenyataan di atas berdasarkan konteks pengajaran Sejarah.
(10 markah)

 - (b) Ujian rujukan kriteria sesuai digunakan sebagai penilaian formatif: Beri 5 (LIMA) sebab bagi menyokong kenyataan di atas.
(15 markah)